

**AMALAN PENGAJARAN GURU BAHASA MELAYU TINGKATAN EMPAT DALAM  
PENULISAN KARANGAN DARI ASPEK KEMAHIRAN BERFIKIR SECARA KRITIS DAN  
KREATIF SERTA PEMBELAJARAN KOLABORATIF**

**Lai Lee Chung**  
*leechunglai@hotmail.com*

**Chin Hai Leng (PhD)**  
*chin@um.edu.my*

**Chew Fong Peng (PhD)**  
*fpchew@um.edu.my*

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

**ABSTRACT**

*The purpose of this research is to identify the current teaching approach in essay writing to Form Four students based on critical and creative thinking skills as well as collaborative learning approach. Quantitative methods involving semi-structured interviews were used to collect data. The respondents comprised of 10 Malay Language teachers who teach students in Form Four. The findings showed that most teachers are still dominating the teaching and learning process in the classroom. Teachers are generally practicing the conventional teaching approach in essay writing*

**Keywords:** *teaching practices, creative and critical thinking skills, collaborative learning, conventional teaching.*

**PENGENALAN**

Kemahiran menulis merupakan komponen yang penting dan terkandung dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu. Menurut Leki (1998), menulis ialah berkomunikasi. Penulis yang baik membantu pembaca memahami ideanya sejelas yang mungkin.(p.5). Menurut Awang Sariyan (2009), dalam komuniti yang bertamadun tinggi, komunikasi tulisan memainkan peranan yang amat mustahak berbanding dengan komunikasi lisan. Pemerolehan dan penyebaran ilmu amat terikat pada bahan bertulis. Penulis dapat berkomunikasi dengan pembaca melalui penulisan kerana terdapat sesuatu yang ingin disampaikan kepada pembaca.

Kemahiran menulis berkait rapat dengan kemahiran berfikir. Penulisan merupakan hasil daripada proses berfikir. Edward de Bono (2001) dalam buku *Belajar Berfikir* menyatakan bahawa berfikir ialah kemahiran manusia yang paling penting kerana manusia memerlukan pemikiran untuk melaksanakan usaha, menyelesaikan masalah, mencari peluang, dan membuat perancangan untuk maju ke hadapan. Dengan menyedari kepentingan kuasa minda dalam bidang pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengubah suai kurikulum sekolah dengan memantapkan kemahiran

berfikir pada tahun 1994. Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) telah menjadi kemahiran dan asas pemerolehan ilmu untuk semua mata pelajaran. KBKK telah diserap ke dalam semua subjek dan merentas kurikulum sekolah bagi mencapai objektif berkenaan. KBKK perlu diserapkan secara sistematik dengan kemahiran lain seperti membaca, mendengar, bertutur, dan menulis dalam subjek Bahasa Melayu (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Teknik pengajaran adalah penting bagi memastikan pembelajaran murid mencapai objektifnya. Pembelajaran kolaboratif merupakan kaedah yang kian popular dalam sistem pendidikan. Murid-murid digalakkan supaya bersikap aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah ini. Pembelajaran kolaboratif memberi manfaat kepada murid-murid. Menurut Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan, dan Abdul Aziz Abdul Shukor (2008), murid-murid akan mendapat penilaian langsung daripada ahli kumpulan selain guru. Semangat berpasukan, sumbangan, penglibatan, dan kejujuran memberikan kerjasama merupakan aspek yang dinilai. Peluang disediakan kepada orang yang tidak kenal antara satu sama lain di luar kelas melalui pembelajaran ini. Pengalaman pembelajaran yang dinamik terhasil daripada adaptasi yang dilakukan dalam diri murid-murid. Murid-murid mendapat pengalaman tersebut daripada orang yang berlatarkan sosioekonomi yang berbeza. Murid dapat membandingkan idea dan mengiktirafkan sumbangan idea yang dikongsi bersama. Murid-murid mendapat peluang untuk menguasai teknik penyelesaian masalah pembelajaran. Murid-murid dapat hidup bersosialisasi, berbincang untuk mencari penyelesaian yang terbaik untuk masalah yang dihadapi. Banyak idea dan pandangan akan membantu menangani masalah secara makro dan mikro. Selain itu, pembelajaran berpusatkan murid dapat meneroka dan menjana ilmu pengetahuan melalui pembelajaran berpasukan. (p.216).

Menurut Webb dan Palincsar (1996), apabila bekerja dalam kumpulan, penulis mengalami proses penyiasatan, penjelasan, dan penghuraian yang penting dalam penulisan yang baik. Manakala menurut Harris et al., (2009), murid-murid akan mendapat manfaat apabila mengedit penulisan orang lain. Murid-murid membawa pelbagai pengalaman ketika bekerjasama dan bersama-sama dalam penulisan. Kerjasama ini menghasilkan wawasan baharu tentang 'apa' dan 'bagaimana' menulis. (Santrock 2009, p.394).

## PENYATAAN MASALAH

Menurut Che Zanariah dan Fadzilah (2011), permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ialah kelemahan murid-murid serta masalah kemahiran dan pengetahuan guru. Yusfaiza Yusuff dan Mohd Isha Awang (2012) menyatakan bahawa kelemahan dalam menulis karangan akan menjejaskan pencapaian akademik Bahasa Melayu. Penguasaan kemahiran menulis karangan tidak hanya bergantung pada sikap dan bakat seseorang murid (Nor Hashimah et al., 2010) tetapi juga aspek keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan itu sendiri (Ahmad Khair 2005; Yahya 2005).

Kegagalan guru dalam menyebatkan KBKK dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan akan menghasilkan murid-murid yang pasif dalam penulisan karangan. Fokus pengajaran guru yang ingin meluluskan murid-murid dalam peperiksaan akan mendatangkan kesan sampingan terhadap pemikiran murid-murid. Senario pengajaran kini, ramai guru Bahasa Melayu mengamalkan kaedah hafalan dalam teknik pengajaran mereka. Murid-murid diberi contoh karangan yang menarik kemudian diminta menghafal supaya dapat diaplikasikan dalam penulisan karangan. Teknik menghafal akan membantu murid-murid lulus dalam penulisan karangan. Tetapi guru tidak sedar bahawa teknik hafalan ini akan menghalang murid-murid daripada berfikir secara kritis dan kreatif. Murid-murid tidak dididik ke arah KBKK. Akhirnya, mereka hanya meluahkan apa-apa yang dihafal ke dalam penulisan karangan mereka. Hal ini bermakna, guru berjaya menghasilkan murid-murid yang lulus dalam peperiksaan tetapi gagal melahirkan generasi yang berfikiran kritis dan kreatif.

## OBJEKTIF KAJIAN

1. Menenal pasti strategi, pendekatan, kaedah, dan teknik yang diaplikasikan oleh guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat dalam pengajaran penulisan karangan berasaskan KBKK.
2. Mengkaji sekiranya kaedah pembelajaran kolaboratif diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu.

## SOALAN KAJIAN

1. Apakah strategi, pendekatan, kaedah, dan teknik yang diaplikasikan oleh guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat dalam pengajaran penulisan karangan berasaskan KBKK?
2. Adakah kaedah pembelajaran kolaboratif diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu?

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Kaedah kualitatif telah digunakan oleh pengkaji untuk memperoleh data tentang amalan guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat dalam pengajaran penulisan karangan. Kaedah kualitatif sesuai digunakan dalam kajian ini kerana kaedah ini dapat menjelaskan perkara secara holistik mengikut keadaan yang berlaku sebenarnya tanpa sebarang manipulasi oleh penyelidik. (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 2009). Menurut Merriam (2009), penyelidik kualitatif berminat dalam pemahaman makna yang dibina oleh manusia, iaitu cara manusia membina makna dan pengalaman yang diperoleh dalam dunia.

### Populasi dan Sampel Kajian

Sebanyak 10 orang guru yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat dari tiga buah sekolah telah dipilih berdasarkan pensampelan bertujuan. Responden terdiri daripada seorang pengetua, 2 orang Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, seorang ketua panitia Bahasa Melayu, 3 orang guru cemerlang Bahasa Melayu, dan 3 orang guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat. Semua responden mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun.

### Instrumen Kajian

Instrumen yang diaplikasikan ialah temu bual separa berstruktur dengan responden.

### Prosedur Pengumpulan Data

Data diterima melalui temu bual separa berstruktur dengan 10 orang guru yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat.

### Prosedur Penganalisan Data

Data yang diterima daripada temu bual separa berstruktur dengan 10 orang guru yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat dianalisis secara deskriptif.

## DAPATAN KAJIAN

### 1) Strategi, Pendekatan, Kaedah, dan Teknik yang diaplikasikan oleh guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat dalam pengajaran penulisan karangan berasaskan KBKK

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua guru yang ditemu bual mengajarkan penulisan karangan mengikut sukatan pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat tetapi tidak mengikut pengisian sepenuhnya. Guru-guru akan membuat pengubahsuaian mengikut keperluan murid-murid berdasarkan tahap penguasaan Bahasa Melayu yang berbeza. Kenyataan yang diberikan oleh guru-guru adalah seperti yang berikut:

“Ya, saya ikut. Tapi ada kalanya membuat perubahan mengikut keperluan murid. Saya akan pilih tajuk yang sesuai untuk murid saya. Sebab tahap mereka berbeza. Ada yang pandai dan ada yang lemah.” (Guru 9: B19-21)

Berdasarkan dapatan kajian, semua guru akan mengaitkan pengetahuan dan pengalaman murid-murid dengan tajuk semasa mengajarkan penulisan karangan. Guru-guru akan berbincang dengan murid-murid tentang perkara yang berlaku di sekeliling murid-murid atau isu semasa agar mereka lebih memahami tajuk. Proses ini dapat membantu murid-murid menjana idea semasa menulis karangan. Kenyataan tersebut dibuktikan dengan hasil perbualan seperti yang berikut:

“Saya akan kaitkan pengalaman dan pengetahuan mereka dengan tajuk. Saya akan bincang isu semasa atau perkara yang berlaku semasa yang ada kaitan dengan tajuk supaya mereka lebih memahami tajuk berkenaan. Sebab benda tu berlaku di sekitar mereka. Biasanya dalam set induksi atau perbincangan dalam kelas tentang isi umpamanya.” (Guru 7: B41-45)

Guru-guru juga menggunakan teknik bercerita untuk mengaitkan pengetahuan dan pengalaman murid-murid tentang tajuk yang diajarkan terutamanya untuk memahamkan murid-murid yang lemah dari segi penguasaan bahasa. Dengan kata lain, guru terpaksa menggunakan bahasa yang mudah difahami dan tajuk yang biasa didengari oleh murid-murid lemah semasa mengajarkan penulisan karangan kepada mereka. Kenyataan ini dapat ditunjukkan melalui perbualan dengan guru seperti yang berikut:

“Kelas yang lemah. Kalau tajuk yang susah, dia orang susah. Jadi saya terpaksa. Skopkan dia pada tajuk yang simple-simple yang biasa dia orang dengar. Macam kemalangan jalan raya. Lepas tu kita kena bercerita dulu kemalangan tu macam mana. Jalan raya tu macam mana. Ada yang jalan raya pun tak tahu.” (Guru 3: B87-93)

Guru sedar bahawa kemahiran bernilai tambah perlu diselitkan ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Apa-apa yang dipelajari di sekolah sebenarnya mempunyai kaitan dengan kehidupan harian murid-murid. Guru percaya bahawa murid-murid akan lebih memahami dan dapat menguasai sesuatu tajuk jika guru menceritakan perkara yang pernah dilalui oleh mereka. Pengalaman murid-murid akan membantu dalam proses penulisan karangan berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Guru 1 seperti yang berikut:

“Dalam pendidikan disebut kemahiran bernilai tambah. Kontektual, apa yang murid-murid belajar di sekolah ada kena mengena dengan apa yang dia lalui

dalam kehidupannya. Bila kita cerita perkara yang murid-murid tak nampak. Tapi kalau kita cerita perkara yang realiti yang mereka lalui dan berdepan dengan perkara tu dia lebih jelas, lebih faham.” (Guru 1:B37-49)

Guru akan mengaitkan pengetahuan dan pengalaman murid-murid terhadap tajuk yang ingin diajarkan pada bahagian permulaan proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Misalnya, guru akan mengaitkan isu-isu semasa dan pengalaman murid-murid dengan tajuk yang ingin diajarkan pada bahagian set induksi dan semasa penulisan isi karangan. Guru akan memberikan contoh-contoh yang berkaitan dengan tajuk karangan semasa menghuraikan isi. Kata guru:

“Dalam set induksi saya akan kaitkan isu-isu semasa untuk sesuatu yang berkaitan dengan pengalaman murid-murid itu kaitkan dengan tajuk kita kemudian barulah saya akan mula mengajar. Dan sewaktu saya mengajar mungkin dalam huraian situ saya akan kaitkan dan memberikan beberapa contoh yang berkaitan dengan tajuk tu lah.” (Guru 2:B30-34)

Ada pula guru yang mengaitkan pengetahuan dan pengalaman murid-murid dengan tajuk sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Guru percaya bahawa dengan cara tersebut murid-murid akan lebih memahami tajuk. Murid-murid boleh mengaitkan perkara yang berlaku dalam kehidupan harian atau isu semasa dengan karangan. Mereka juga dapat memberikan contoh-contoh yang berkaitan dengan sesuatu isu yang dibincangkan dalam karangan.

“Saya akan kaitkan pengetahuan dan pengalaman mereka semasa set induksi atau semasa murid-murid mencari isi-isi penting, dan semasa penutup. Sebab cara ini murid-murid lebih faham tajuk. Mereka boleh kaitkan perkara yang berlaku dalam kehidupan harian atau isu semasa dengan tajuk karangan. Lepas tu mereka dapat bagi contoh-contoh yang berkaitan dengan tajuk.” (Guru 9:B24-28)

Kenyataan ini selaras dengan pendapat Guru 8, iaitu dengan pengalaman sedia ada, murid-murid dapat mengeluarkan idea. Manakala dengan pengetahuan yang ada, murid-murid lebih mudah mengembangkan isi karangan.

“Saya ingin murid-murid menggunakan pengalaman sedia ada mereka dalam mengeluarkan idea. Dengan pengetahuan yang ada, murid akan lebih mudah untuk mengembangkan isi karangan.” (Guru 8:B14-16)

Berdasarkan data yang dikutip mendapati bahawa kebanyakan guru mempunyai strategi pengajaran penulisan karangan yang hampir sama. Mereka masih mengamalkan strategi pengajaran yang berbentuk konvensional, iaitu lebih memusatkan guru daripada murid. Guru-guru mendominasi keseluruhan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Murid-murid berperanan sebagai penerima maklumat yang aktif ekoran daripada guru-guru yang proaktif dalam menyumbangkan pelbagai maklumat kepada mereka. Akhirnya, murid-murid akan memberi output berdasarkan sumber maklumat yang diberikan oleh guru. Misalnya kata Guru 4:

“Cikgu masih lagi terikat dengan sistem lama sebenarnya. Disumbatkan dimuatkan bakul... kemudian bakul tu you bawa balik awak telan awak keluarkan balik.” (Guru 4:B201-220)

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan, guru-guru akan memaklumkan tajuk karangan kepada murid-murid pada waktu pelajaran penulisan karangan. Hanya seorang guru yang akan memaklumkan tajuk penulisan karangan kepada murid-muridnya pada satu hari atau dua hari sebelum waktu pelajaran penulisan karangan supaya murid-murid dapat membuat persediaan awal. Pada waktu pelajaran penulisan, guru-guru berkenaan akan menganalisis soalan dari segi tajuk, tema,

dan fokus soalan dengan murid-murid supaya mereka tahu akan kehendak soalan. Ada juga guru yang akan memberikan gambar atau bahan pembelajaran supaya murid-murid mendapat gambaran dan lebih bersedia tentang tajuk yang dikemukakan. Selepas itu, murid-murid diberikan masa untuk mencari isi-isi penting. Guru-guru akan bersoal jawab dan berbincang jawapan dengan murid-murid. Kadangkala murid-murid diminta untuk membuat pembentangan isi. Guru-guru akan mencatatkan isi-isi yang dibincang pada papan hitam. Akhirnya murid-murid akan menulis karangan yang lengkap. Kata guru-guru:

“Saya akan maklumkan kepada murid-murid tentang tajuk, terangkan kehendak soalan. Murid-murid diberikan masa untuk menyenaraikan isi-isi penting. Saya akan bincang pengenalan, isi, dan kesimpulan bersama-sama dengan mereka, menyenaraikan isi-isi yang dibincang pada papan hitam. Sebab kalau tak tulis walaupun sudah bincang, tanya semula. Akhirnya tak boleh tulis. Isi tak cukup.” (Guru 6:B24-31)

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan, Guru 2 memberikan fokus pada cara murid-murid menjana idea. Beliau menggunakan teknik penyoalan untuk membantu murid-murid mengembangkan isi. Teknik penyoalan yang beraras tinggi yang diaplikasikan oleh beliau jelas memperlihatkan penerapan KBKK dalam proses penulisan karangan. Selain itu, Guru 2 juga menggunakan formula untuk mengajar murid-muridnya menulis perenggan isi. Beliau menggunakan ayat berinformasi dengan kata tanya seperti mengapa dan bagaimana untuk mengajar murid-muridnya menghuraikan isi, membina ayat contoh dengan contoh-contoh yang sesuai, dan ayat penegasan isi. Kata Guru 2:

“Saya lebih memberi tumpuan untuk cara murid-murid kembangkan isi, iaitu dari ayat isi kemudian jawab huraian isi. Huraian isi saya akan pecahkan kepada persoalan mengapa, bagaimana kemudian saya ajar ayat contoh. Ambil contoh yang berkaitan tentang isi kita, pokok isi kita. Kemudian ayat penegasan isi. Selalunya saya akan tanya persoalan sejauhmanakah. Bila kita tanya soalan macam tu, murid-murid terpaksa fikir. Saya selalu minta murid-murid fikir dulu. Soalan tu memang beraras tinggi hanya beberapa orang yang pintar mampu jawab. Jawapan mereka pun bukan yang dikehendaki.” (F1Zaki:B44-149)

Guru-guru akan mengaplikasikan teknik pengajaran yang berbeza apabila berdepan dengan murid-murid yang pelbagai tahap keintelektualan. Misalnya, Guru 3 menggunakan soalan-soalan tahun lepas yang mempunyai kaitan dengan tema dalam buku teks untuk mengajar murid-muridnya. Beliau akan memberikan contoh karangan dan menyediakan kerangka karangan untuk murid-muridnya. Bagi murid-murid yang lemah, Guru 3 akan meminta mereka menyalin contoh karangan atau memberikan salinan contoh karangan kepada murid-murid untuk ditampal dalam buku karangan. Selepas itu, beliau akan berbincang karangan tersebut dengan murid-murid perenggan demi perenggan. Katanya:

“Ajar karangan susah sikit. Biasanya saya bagi soalan lepas tu tengok syllabus ada berkaitan dengan tema-tema buku teks. Saya bagi contoh karangan sendiri. Ataupun soalan yang ada rangka suruh dia orang tulis. Bagi kelas akhir, perkataan tak kenal, huruf dua tiga orang yang kenal. Satu ayat pun dia tak lepas. Kalau ikut level SPM tu dia orang susah nak seimbang. Itu saya bagi contoh karangan suruh dia salin Tapi saya rasa salin ni macam membazir masa. Salin dalam kelas. Lepas tu bagi dia orang tampal ke. Lepas tu kita bincang satu perenggan demi satu perenggan tu.” (Guru 3:B13-32)

Proses pengajaran dan pembelajaran ini kelihatan lebih memusatkan guru. Proses pembelajaran ini akan melahirkan murid-murid yang pasif. Mereka hanya berperanan sebagai penerima maklumat yang aktif. Hal ini demikian kerana semua bahan dan maklumat tentang proses penulisan disediakan oleh

guru. Malah keseluruhan proses pengajaran dan pembelajaran ini tidak menggalakkan KBKK kerana murid-murid yang lemah ini hanya didedahkan teknik menyalin dan menampal contoh karangan. Mereka tidak didedahkan kemahiran berfikir dan kemahiran menulis karangan dalam proses pembelajaran.

Namun begitu, Guru 3 akan menggunakan teknik yang berbeza bagi murid-murid yang pandai. Bagi murid-murid yang pandai, beliau akan memberikan contoh karangan tetapi tajuk karangan yang perlu ditulis oleh murid-murid adalah berbeza. Murid-murid akan menjadikan contoh karangan tersebut sebagai panduan. Guru 3 akan berbincang kerangka karangan dengan murid-murid. Beliau akan menyemak hasil kerja murid-murid perenggan demi perenggan. Katanya:

“Ikut pengalaman, pelajar baik boleh bagi contoh karangan. Tapi soalan berbeza. Contoh karangan tu dia tengok huraian, isi je. Lepas tu kita bincang dengan dia rangka karangan, isi pun dia orang bagi. Biasanya saya suruh dia orang buat pengenalan dulu lepas tu kita akan sama-sama check satu perenggan demi perenggan.” (Guru 3: B55-62)

Guru 1 menggunakan teknologi maklumat seperti ‘facebook’, ‘youtube’, dan laman sesawang semasa mengajar kerana beliau berpendapat bahawa murid-murid akan memperoleh maklumat dengan pantas. Hal ini demikian kerana murid-murid suka akan teknologi tersebut. Beliau juga akan memberikan contoh karangan kepada murid-murid yang pandai kerana mereka dapat mengingat glosari atau kosa kata tertentu untuk diaplikasikan dalam karangan. Bagi murid-murid yang lemah, Guru 1 meminta murid-muridnya menyalin contoh karangan. Katanya:

“Gunakan kaedah pengalaman berdasarkan cerita. Murid-murid lebih aktif atau lebih suka dengan gazet-gazet. Contohnya maklumat melalui perkongsian cerita dengan kawan... FB, Wechat dan sebagainya. Mereka suka menghadap Youtube, menghadap internet, laman web. Jadi, kalau kita beritahu layari laman ni mereka boleh je dan dapatkan maklumat. Dengan cepat sebenarnya. Kelas-kelas hadapan biasanya kita bagi contoh karangan yang lengkap ataupun contoh karangan yang baik untuk mereka baca. Kerana mereka boleh mengingat dengan baiklah. Contoh glosari... kosa kata tu mereka boleh dapatkan. Kalau kelas-kelas hujung tu agak sukar. Walaupun kita suruh salin mereka kadang-kadang tak dapat apa-apa sebenarnya. Mereka boleh salin.” (Guru 1: B52-71)

Dalam proses penulisan ini, strategi yang diaplikasikan oleh Guru 1 memperlihatkan penerapan KBKK. Beliau akan meminta murid-murid menulis apa-apa sahaja yang terlintas dalam fikiran mereka. Murid-murid bebas menulis apa-apa sahaja berdasarkan pengalaman yang dilalui oleh mereka. Pada pendapat beliau, murid-murid dapat mencetuskan idea melalui pengalaman dan penghayatan terhadap sesuatu tajuk karangan. Katanya:

“Saya suruh murid-murid tulis apa sahaja pengalaman yang awak tahu yang berkaitan dengan isu. Maksudnya tak terikat. Murid-murid boleh cerita apa sahaja yang mereka tahu tentang satu tajuk tu. Di situ membantu mereka untuk jana pemikiran. Menghayati tajuk tu. Macam mana ini berlaku pada diri mereka contohkan. Jadi mereka boleh, akan rasa, bila rasa, itulah perkara yang nak kita ceritakan. Dapat idea daripada situ. Mencetuskan idea.” (Guru 1: B170-189)

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima, Guru 4 akan memberikan fokus pada bahagian penulisan. Guru 4 berpendapat bahawa jika penulisan karangan diberikan fokus, murid-murid akan mendapat markah yang cemerlang. Pembelajaran penulisan karangan ini mengambil masa yang lama. Oleh itu, beliau mengajar murid-murid menulis

karangan secara berperingkat. Beliau akan mengajar murid-muridnya membina perenggan pengenalan sehingga mahir sebelum perenggan seterusnya. Kata Guru 4:

“Sebenarnya kertas BM SPM fokus penulisan saja. Karangan you fokus, murid-murid memang cemerlang. Mengarang ini mengambil masa yang sangat panjang. Paling kurang enam bulan. You ajar 6 bulan karangan. Yang lain you tak usah fokus sangat. Dia daripada kecil kepada besar. Ajar tulis pengenalan saja. Sampai dia mahir.” (Guru 4: B107-115)

Bagi perenggan isi, Guru 4 akan memberikan contoh frasa kepada murid-murid untuk memulakan setiap perenggan isi. Dalam membuat huraian isi, beliau mengajar murid-murid perkara yang perlu ada dalam huraian isi misalnya perbandingan dan contoh. Beliau akan memberikan contoh kepada murid-muridnya supaya mereka mahir. Katanya:

“Isi saya ajar dia macam mana nak buat isi. Kalau saya mula isi satu senang saja, sebagai pembuka tirai perbincangan itu ayat isi satu saya. Isi kedua saya sebagai lontaran idea yang kedua, kalau isi terakhir saya mesti sebagai penutup tirai perbincangan. Murid-murid dah mahir saya pergi yang kedua. Bagaimana nak huraikan isi. Huraian apa mesti ada. Saya ajar huraian mesti ada perbandingan, semua saya bagi contoh dalam kepala mesti set ada perkara itu. Dia dah mahir baru saya ajar macam mana nak buat kesimpulan.” (Guru 4: B115-128)

Bagi bahagian kesimpulan, Guru 4 akan memaklumkan murid-muridnya tentang perkara yang perlu dan yang tidak perlu dimasukkan ke dalam bahagian ini. Beliau akan memberikan contoh kosa kata mengikut kategori keluarga, masyarakat, dan media massa, serta contoh frasa yang menarik kepada murid-murid untuk diaplikasikan dalam karangan mereka. Beliau mendapati bahawa teknik ini membantu murid-muridnya menguasai kemahiran menulis. Katanya:

“Apakah perkara yang mesti ada dalam kesimpulan. apa yang you jangan masuk dalam kesimpulan. Contoh you jangan masuk contoh dalam kesimpulan. Sebab contoh tu dalam isi. You jangan bagi pendapat dalam kesimpulan. Pendapat tu dalam isi. Jadi murid-murid tahu apa mesti ada. Saya ajar macam mana nak buat ayat menarik, kosa kata menarik. Saya pecah kosa kata tentang keluarga, masyarakat, media massa, saya bagi semua. Murid-murid dah ada dalam kepala kosa kata media masa, masyarakat, bahasa, keluarga. semua dah siap murid-murid boleh ambil.” (Guru 4: B128-148)

Satu perkara yang amat memeranjatkan penyelidik ialah amalan membuat refleksi oleh Guru 4 yang berpengalaman mengajar selama 25 tahun. Beliau akan melihat kelemahan pada diri dalam proses pengajaran penulisan karangan dan membuat pengubahsuaian berdasarkan keperluan murid-murid. Beliau menegaskan bahawa murid-murid tidak dapat menulis karangan jika hanya diberikan tajuk oleh guru. Dalam proses penulisan karangan ini, murid-murid memerlukan teknik daripada guru. Jika murid-murid dipaksa menulis tanpa sebarang pengajaran, mereka akan menulis sembarangan, asalkan tugas dihantar mengikut arahan guru. Beliau juga menegaskan bahawa kemahiran menulis karangan harus mula diajarkan kepada murid-murid sejak tingkatan satu.

“Bila saya tengok di mana kelemahan saya mengajar. Kelemahan saya ialah saya bagi tajuk saya suruh dia buat. Memang tak boleh buat. Kalau buat pun dalam keadaan terpaksa. Gulung-gulung sikit cukup hantar. Sampai hujung tahun macam tu masalah tak selesai. Itu patut dah mula form 1.” (Guru 4: B145-167)



Dapatan kajian menunjukkan bahawa 5 daripada 10 orang guru pernah meminta murid-murid yang lemah menghafal contoh karangan untuk ditulis semula dalam ujian dan peperiksaan. Guru-guru berkenaan berpendapat bahawa teknik hafalan ini membantu murid-murid yang lemah dalam menjawab soalan peperiksaan. Hal ini disebabkan mereka tidak menguasai kemahiran menulis. Teknik ini yang dapat membantu mereka memperoleh markah bahasa sekiranya mereka tidak menjawab soalan. Bagi murid-murid yang pandai, mereka diminta untuk menghafal frasa yang menarik dan kata-kata hikmat agar dapat digunakan dalam penulisan mereka.

“Murid-murid lemah langsung tak boleh menulis dalam ujian atau peperiksaan. Jadi untuk membantu mereka lulus dalam peperiksaan, saya terpaksa meminta mereka hafal contoh karangan. Sebab dalam SPM murid-murid yang jawab terpesong akan dinilai, diberi markah minima bahasa.” (Guru 6:B113-123)

Guru-guru akan menyediakan kerangka menulis pendahuluan, isi, dan penutup untuk murid-murid. Kerangka karangan ini boleh digunakan oleh murid-murid untuk menjawab soalan peperiksaan. Murid-murid yang lemah diminta untuk menghafal kerangka karangan tersebut untuk menjawab soalan peperiksaan dengan hanya menukar kata kunci atau perkataan. Bagi murid-murid yang pandai, mereka boleh menghafal kerangka karangan tersebut sebagai panduan atau membuat pengubahsuaian untuk digunakan dalam peperiksaan. Kata guru-guru:

“Cikgu buat rangka karangan pendahuluan, isi dan penutup. Minta pelajar hafal. Mereka boleh gunakan rangka tu untuk menjawab soalan peperiksaan. Mereka hanya perlu menukar kata kunci atau beberapa kata yang dikosongkan dalam rangka karangan. Tapi mereka tak boleh buat.” (Guru 6:B136-142)

Sebanyak 4 orang guru akan meminta murid-murid menghafal kosa kata, ungkapan atau frasa yang menarik, dan kata-kata hikmat daripada contoh karangan tetapi bukannya menghafal satu karangan yang lengkap. Guru-guru akan menilai dahulu kualiti contoh karangan yang dipilih sebelum meminta murid-murid menghafal. Guru-guru berpendapat bahawa teknik hafalan diperlukan sebab ungkapan yang menarik tidak boleh dicipta. Kata guru-guru:

“Kalau karangan cemerlang, gaya bahasa, pengolahan menarik, huraian isi mantap, jelas, dan matang kita rasa karangan tu kalau murid-murid hafal boleh aplikasikan dengan bentuk karangan yang sama yang mungkin keluar dalam peperiksaan saya meminta mereka hafal. Bukan semua. Unsur-unsur, frasa-frasa, kosa kata yang luas menarik mereka boleh pakai dalam karangan mereka.” (Guru 2:B67-77)

Guru 8 pula tidak pernah meminta murid-muridnya menghafal contoh karangan. Berdasarkan pendapat beliau, karangan murid-murid akan hilang kesinambungan idea sekiranya mereka terlupa bahagian karangan yang dihafal. Guru 8 meminta murid-muridnya memahami gaya penulisan dan cara pengembangan idea daripada contoh karangan agar boleh diaplikasikan dalam penulisan mereka. Namun begitu, Guru 8 mempunyai pendapat yang sama dengan Guru 1, iaitu mereka bersetuju bahawa teknik menghafal contoh karangan ini sesuai diaplikasikan bagi murid-murid yang lemah untuk lulus dalam peperiksaan.

“Sekiranya murid menghafal contoh karangan, murid tersebut tidak dapat menulis karangan dengan baik kerana kadangkala murid terlupa beberapa bahagian karangan tersebut. Hal ini menyebabkan karangan yang ditulis tidak ada kesinambungan idea dan sebagainya. Saya meminta murid memahami gaya penulisan dan pengembangan idea contoh karangan yang cemerlang supaya dapat diaplikasikan dalam penulisan mereka. Teknik menghafal contoh karangan sesuai

bagi murid yang sangat lemah, tiada peluang untuk lulus dalam penulisan karangan.” (Guru 8:B25-31)

Guru-guru sedar dan faham bahawa mengajarkan teknik atau kemahiran menulis adalah lebih penting berbanding dengan teknik hafalan. Bahagian yang boleh dihafal ialah ungkapan yang menarik, kosa kata, dan kata-kata hikmat. Namun, satu cabaran kepada guru, iaitu cara yang sesuai dan boleh membantu murid-murid menjawab soalan peperiksaan SPM terutamanya bagi murid-murid yang lemah kalau bukan teknik hafalan. Kata guru-guru:

“Oh... tidak sebab belajar menulis ni tak boleh hafal semua. Menulis memerlukan teknik. Yang boleh hafal frasa yang menarik, kosa kata, dan kata-kata hikmat.” (Guru 4:B18-20)

## 2) Aplikasi kaedah pembelajaran kolaboratif dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu

Dari aspek pengintegrasikan KBKK dalam proses pengajaran penulisan karangan melalui pembelajaran kolaboratif, hasil kajian daripada 10 orang guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat mendapati bahawa semua guru pernah mengintegrasikan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam proses pengajaran penulisan karangan melalui pembelajaran kolaboratif. Namun begitu, kaedah pembelajaran kolaboratif kurang diberikan penekanan dan jarang diaplikasikan dalam proses pengintegrasian kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam penulisan karangan. Kata guru-guru:

“Kaedah kolaboratif, kerja berkumpulan jarang diaplikasikan dalam bilik darjah.” (Guru 10:B39)

## PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua guru yang ditemu bual mengajarkan penulisan karangan mengikut sukatan pelajaran. Namun begitu, guru-guru tidak mengikut sukatan pelajaran sepenuhnya. Guru-guru akan membuat pengubahsuaian berdasarkan keperluan dan tahap pencapaian murid-murid. Guru-guru akan mengaitkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid-murid dengan tajuk karangan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, guru-guru menggunakan teknik bercerita dan berbincang dengan murid-murid tentang isu semasa yang berkaitan dengan tajuk karangan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi pengajaran guru-guru masih memperlihatkan bentuk konvensional, iaitu lebih memusatkan guru. Guru masih mendominasi kebanyakan aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Zulkifli (2013) yang membuktikan bahawa guru menggunakan strategi pengajaran yang berpusatkan guru secara ketara. Strategi pengajaran ini akan melahirkan murid-murid yang pasif dalam pembelajaran penulisan karangan. Selain itu, kaedah suapan yang biasa diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran karangan akan melahirkan murid-murid yang aktif dalam menerima maklumat. Chhem (2000) dalam Siti Akmar Abu Samah, Kamaruzaman Jusoff, & Abu Daud Silong (2009) menyatakan bahawa kaedah suapan ‘spoon-feeding method’ tidak merangsangkan penyertaan aktif daripada murid-murid dan hanya menggalakkan pembelajaran hafalan. Ekoran itu, murid-murid tidak dapat menguasai kemahiran menyelesaikan masalah kerana mereka tidak dilatih mencari data sendiri.

Teknik hafalan yang diaplikasikan oleh guru-guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan akan mengikis kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam kalangan murid.

Murid-murid yang lemah khususnya diminta menghafal contoh karangan untuk menghadapi peperiksaan. Keadaan ini semata-mata memperlihatkan bahawa sistem pendidikan negara yang masih berorientasikan peperiksaan. Keadaan ini bertentangan dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang meletakkan KBKK sebagai komponen yang mustahak dalam sistem pendidikan negara. Fenomena ini merupakan satu cabaran dan halangan kepada pencapaian matlamat pendidikan negara.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembelajaran kolaboratif jarang diaplikasikan oleh guru-guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam penulisan karangan. Pembelajaran kolaboratif tidak menjadi pilihan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan disebabkan kekangan semasa pelaksanaannya. Dicadangkan agar kajian lanjutan tentang keberkesanan strategi, pendekatan, kaedah, dan teknik pengajaran penulisan karangan berasaskan KBKK dan pembelajaran kolaboratif dapat dijalankan bagi meningkatkan kemahiran dan pencapaian murid-murid dalam bidang penulisan. Dengan menguasai kemahiran menulis melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, murid-murid dapat menghasilkan penulisan yang kreatif dan berkualiti.

## KESIMPULAN

Sukatan pelajaran merupakan panduan kepada guru-guru dalam mengajarkan penulisan karangan. Namun begitu, guru-guru akan membuat pengubahsuaian berdasarkan keperluan murid-murid yang berbeza. Guru-guru akan mengaitkan pengetahuan dan pengalaman murid-murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Guru-guru akan menggunakan teknik perbincangan dan penceritaan untuk mengaitkan perkara yang berlaku di sekeliling murid-murid atau isu semasa dengan tajuk karangan. Guru akan menggunakan teknik yang berbeza untuk mengajarkan penulisan karangan bersesuaian dengan tahap penguasaan murid-murid yang berlainan. Penggunaan teknik yang berbeza berdasarkan tahap penguasaan murid-murid yang berbeza. Guru-guru akan memberikan contoh-contoh semasa menghuraikan isi. Strategi pengajaran kebanyakan guru lebih berpusatkan guru. Guru masih mendominasi semua aktiviti dalam proses pengajaran mereka. Hal ini telah melahirkan murid-murid yang pasif. Murid-murid hanya berperanan sebagai penerima maklumat yang aktif daripada guru-guru.

Teknik hafalan yang digunakan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan didapati tidak menggalakkan KBKK. Guru-guru meminta murid-murid yang lemah khususnya menghafal contoh karangan untuk menghadapi peperiksaan. Fenomena ini memperlihatkan bahawa sistem pendidikan yang masih berorientasikan peperiksaan. Kemahiran KBKK dalam kalangan murid akan dikikis jika teknik hafalan tidak digunakan dengan betul dan terus berakar umbi dalam proses pengajaran penulisan karangan oleh guru. Keadaan ini memperlihatkan satu cabaran dan halangan kepada pencapaian matlamat pendidikan negara untuk melahirkan insan yang berfikir global. Satu keadaan yang bertentangan dengan falsafah pendidikan negara. Manakala dari aspek kaedah pembelajaran pula, secara keseluruhannya didapati bahawa pembelajaran kolaboratif yang melibatkan kerja berkumpulan kurang diaplikasikan oleh kebanyakan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan bagi murid-murid Tingkatan Empat.

**RUJUKAN**

- Awang Sariyan. (2009). *Tertib Mengarang: Asas Retorik untuk Pelajar dan Pendidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Zanariah Che Hassan.,& Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, vol. 1, Bil. 1, 67-87. Diperoleh daripada [http://www.ukm.my/jpbm/pdf/67-87\\_CheZanariah,Fadzilah.UPM.pdf](http://www.ukm.my/jpbm/pdf/67-87_CheZanariah,Fadzilah.UPM.pdf)
- De Bono, E. (2001). *Belajar Berfikir*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research: A Guild to Design and Implementation*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. (2000). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Santrock, J. W. (2009). *Educational Psychology* (4<sup>th</sup>ed.). New York: McGraw-Hill.
- Siti Akmar Abu Samah, Kamaruzaman Jusoff, & Abu Daud Silong (2009). Does Spoon-Feeding Impede Independent Learning? *Canadian Social Science* 5(3), 82-90.
- Suppiah Nachiappan., Ramlah Jantan., & Abdul Aziz Abdul Shukor. (2008). *Siri Pendidikan Guru: Psikologi Pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Yusfaiza Yusuff.,& Mohd Isha Awang. (2012). Aplikasi Pembelajaran Jigsaw II dalam Penulisan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 2, Bil. 2, 62-70. Diperoleh daripada <http://www.ukm.my/jpbm/pdf/62-70%20Isha%20et%20al.UUM.pdf>
- Zulkifli Osman (2013). *Pembangunan Modul Pengajaran Bahasa Melayu secara Bersepadu* (tesis Falsafah Kedoktoran). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.